




SUASANA terkawal di kaunter khas bagi Program Rekalisasi Pulang Pendatang Asing Tanpa Izin (Pati) yang dibuka Jabatan Imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Sebanyak 20 kaunter dibuka di Aras 2, Blok B, KLIA dilengkapi dengan ruang menunggu yang lebih luas dengan kapasiti antara 800 hingga 1,000 individu. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

PATI OK, EJEN DITEGAH

JIM sedia 20 kaunter elak kesesakan Program Rekalisasi Pulang Pati di KLIA

Sepang

Berjalan lancar dan tiada kesesakan. Itu hasil tinjauan Harian Metro ke atas pelaksanaan Program Rekalisasi Pulang Pendatang Asing Tanpa Izin (Pati) di Aras 2, Blok B, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Tiada hiruk-pikuk dan pemandangan Pati berseleraan serta tidur di kawasan diubah suai dan disediakan khas itu.

Kawasan parkir itu turut dilengkapi bangku dan alat penghawa dingin bergerak untuk memastikan keselesaan Pati membuat urusan masing-masing sebelum pulang ke negara mereka.

Sebanyak 20 kaunter dibuka bagi tujuan berkenaan termasuk dua kaunter khas untuk golongan seperti

orang kurang upaya, ibu mengandung dan warga emas.

Bagi memastikan kelancaran urusan, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) hanya membenarkan Pati berada dalam kawasan kaunter dan pembabitian ejen dilarang.

Dalam masa setengah jam, setiap Pati dapat menyelesaikan urusan masing-masing di kaunter.

Program Rekalisasi Pulang Pati adalah inisiatif kerajaan untuk memberi peluang kepada Pati yang melakukan kesalahan tinggal lebih masa atau berada di Malaysia tanpa pas sah, pulang ke negara asal secara sukarela.

Kadar kompaun dikenakan adalah RM500 bagi kesalahan mengikut Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen

1959/63 iaitu tinggal lebih masa, RM500 bagi kesalahan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 iaitu tiada pas sah dan RM300 bagi kesalahan Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 iaitu salah guna pas.

Kaedah pembayaran digunakan buat masa ini adalah menerusi kad debit, kad kredit dan *e-wallet* sahaja serta tiada urusan pembayaran secara tunai.

Syarat menyertai Program Rekalisasi Pulang Pati di KLIA adalah memiliki dokumen perjalanan sah yang diluluskan kedutaan masing-masing, memiliki tiket pulang ke

negara asal, membayar kompaun dan mempunyai slip ujian saringan Tindak Balas Berantai Polimerase (RT-PCR).

Sementara itu, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, bagi tempoh 8 hingga 31 Julai lalu, seramai 8,856 Pati dihantar pulang ke negara masing-masing menerusi program terbabit.

Dalam masa sama, katanya, pelbagai isu, aduan dan rungutan dibangkitkan di dalam media sosial oleh pelbagai individu dan pertubuhan bukan kerajaan termasuk juga kedutaan.

"Antara isu dibangkit-

kan ialah kesesakan dan tiada penjarakan sosial, tiada kemudahan kiosk untuk membeli makanan dan minuman dan terlepas penerbangan kerana kelewatan proses kerja.

"Berdasarkan maklum balas diterima, Jabatan Imigresen dengan bantuan Malaysia Airport Berhad mengambil langkah segera membina 20 kaunter baru di Short Term Car Park, Aras 2, Blok B, KLIA.

"Ruang menunggu yang lebih luas dengan kapasiti 800 hingga 1,000 orang disediakan dengan kemudahan seperti *industrial fan* bagi memberikan ventilasi yang lebih baik, kiosk menjual makanan dan perkhidmatan fotostat, surau, penjarakan sosial melalui kerusi yang

disediakan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, sejak kaunter baru itu beroperasi mula 31 Julai lalu, tiada lagi laporan mereka terlepas penerbangan diterima.

Katanya, semua warga asing yang menyertai program itu perlu datang ke KLIA dalam masa 24 jam sebelum penerbangan.

"JIM menasihatkan supaya semua Pati berurusan terus dengan JIM dan tidak melalui orang tengah atau ejen.

"Selain itu, semua Pati diingatkan supaya tidak menunggu hingga saat akhir tempoh program pada 31 Disember 2021 untuk pulang ke negara asal melalui kemudahan rekalisasi ini," katanya.

Kawasan parkir dilengkapi bangku, alat penghawa dingin bergerak untuk keselesaan